

## **CADANGAN JAWAPAN:**

### **Soalan 1:**

#### **1(a)**

- X : Yin (Kuasa Pasif)
- Y : Yang (Kuasa Aktif)

#### **1(b)**

- Perkembangan tersebut berlaku kerana ahli sains dan ahli teknologi merujuk pengetahuan sedia ada dalam tamadun Mesir Purba dan Babylon serta memperkembangkan ilmu-ilmu itu.
- Masyarakat tamadun China menganggap astronomi sebagai ilmu sains negara.
- Ilmu perubatan tamadun India berkembang kerana kecenderungan masyarakatnya dalam fisiologi kerana kaitannya dengan yoga.
- Sementara dalam tamadun China konsep keseimbangan Yin dan Yang menjadi asas perubatan tradisionalnya.

#### **1(c)**

- Lebih mudah menguruskan kehidupan
- Mampu bersaing dan lebih berdaya maju
- Meningkatkan kemajuan kemakmuran negara
- Menghasilkan lebih banyak ciptaan baru
- Menimba lebih banyak ilmu dan kemahiran
- Memajukan bidang pengangkutan dan perhubungan

### **Soalan 2:**

#### **2(a)**

- Melaka terletak di tempat strategik di tengah jalan perdagangan timur dan barat
- Kemudahan perdagangan yang disediakan di Melaka - pentadbiran yang licin
- Mewujudkan jawatan Laksamana - kawal perairan
- Syahbandar -ketua pelabuhan
- Undang-Undang Laut Melaka digubal
- Sistem timbang dan sukat yang seragam diperkenalkan – kati, tahlil, bahara
- Kaedah tukar barang dan jual beli
- Penggunaan mata wang
- Bahasa Melayu sebagai lingua franca
- Aktiviti perdagangan didominasi oleh pedagang Islam
- Saranan Islam mencontohi amalan Nabi Muhammad s.a.w. berniaga
- Perniagaan adalah sumber rezeki yang besar iaitu sembilan persepuluh rezeki datangnya daripada perniagaan

#### **2(b)**

- Institusi ekonomi seperti Baitulmal diperkenalkan
- Islam menggalakkan umatnya rajin bekerja
- Islam menyeru umatnya mencari rezeki yang halal
- Melarang perbuatan mengemis
- Melibatkan diri secara aktif dalam kegiatan ekonomi perdagangan (perniagaan)
- Mengamalkan unsur-unsur halal semasa mengurus niaga
- Perniagaan adalah sumber rezeki yang besar

- Mencontohi amalan Nabi Muhammad s.a.w.
- Amalan riba, penindasan dan penipuan dalam perniagaan diharamkan
- Menyarankan nilai-nilai murni seperti berjimat cermat dan berusaha bersungguh-sungguh
- Pembayaran zakat harta ditekankan kepada golongan berkemampuan
- Penggunaan mata wang yang mempunyai unsur-unsur Islam

**2(c)**

- Masyarakat menceburi bidang perdagangan
- Membeli barangan keluaran negara kita
- Menjalin hubungan perdagangan dengan negara luar
- Hasilkan produk yang berkualiti
- Berfikiran kreatif dan inovatif
- Sanggup bersaing secara sihat
- Rajin berusaha hingga mencapai matlamat
- Menimba ilmu untuk mengubah kehidupan
- Menggunakan ilmu untuk memajukan bangsa

**Soalan 3:**

**3(a)**

- Dato' Onn Ja'afar
- Dato' Hamzah Abdullah
- Raja Uda
- Dato' Nik Ahmed Kamil

**3(b)**

- Dasar dekolonisasi British
- Mengurangkan tekanan pihak Parti Komunis Malaya
- Bersedia mentadbir Tanah Melayu
- Persediaan ke arah kemerdekaan

**3(c)**

- Satu sistem kabinet bayangan daripada beberapa orang pegawai tadbir dan tokoh masyarakat untuk memegang jawatan yang dibentuk
- Anggota Sistem Ahli dikenal sebagai Ahli
- Pelantikan Ahli dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu
- Ahlinya terdiri daripada 9 orang anggota
- Ahli-ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British

**3(d)**

- Melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri
- Mengeratkan hubungan antara kaum – perpaduan
- Mendapat sokongan penuh rakyat pelbagai kaum
- Bersedia untuk berkerajaan sendiri

**Soalan 4:**

**4(a)**

- Daripada kalangan 9 orang Raja-Raja Melayu
- Daripada 9 buah Negeri-Negeri Melayu

- Dilantik secara bergilir-gilir
- Tempoh perkhidmatan 5 tahun
- Mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia

**4(b)**

- Merupakan simbol keutuhan dan perpaduan rakyat Malaysia
- Merupakan tonggak negara dan Ketua Utama Negara
- Mengekalkan sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia

**4(c)**

- Mengetuai Badan Perundangan, Badan Pemerintah dan Badan Kehakiman
- Mempunyai kuasa memanggil dan membubarkan Parlimen
- Merupakan Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata
- Berkuasa mengampun dan menanggukkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan
- Menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu
- Merupakan ketua agama Islam
- Mempunyai kuasa budi bicara melantik Perdana Menteri
- Mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri
- Boleh mengisytiharkan undang-undang darurat di bawah 'undang-undang X'
- Melantik Pengerusi dan 3 orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya
- Melantik Peguam Negara
- Mentauliahkan duta-duta negara kita

**4(d)**

- Mengekalkan sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Malaysia – wajib dipatuhi dan dihormati warga Malaysia
- Mengekalkan institusi beraja yang menjadikan negara Malaysia unik dan istimewa serta diterima oleh semua rakyat
- Menjadi tonggak negara dan Ketua Utama Negara Malaysia yang perlu dihormati kedudukan dan kewibawaannya
- Mengetuai Negara Persekutuan Malaysia – diperakui dan diiktiraf kedudukannya oleh Perlembagaan Malaysia

**Soalan 5:**

**5(a)**

- Lembah sungai yang subur
- Sesuai untuk kegiatan pertanian
- Kemudahan bekalan air
- Kemudahan makanan
- Kemudahan pengangkutan dan perhubungan

**5(b)**

- Undang-undang menjadi asas perundangan masa kini
- Kemajuan pengairan kerana perkembangan ilmu astronomi dan matematik
- Ciptaan kalendar
- Kegiatan pertanian yang menggunakan teknologi cangkul, sabit

- Tembok-tebok yang mengelilingi bandar
- Ciptaan bandar terancang kerana kemahiran geometri
- Pertukaran teknologi dan budaya dengan tamadun lain

**5(c)**

- Mementingkan ilmu pengetahuan
- Bersikap terbuka dan positif
- Mempunyai sikap kreatif dan inovatif
- Memanfaatkan sumber alam dengan bijak
- Terlibat aktif dalam bidang pertanian
- Membuat hubungan yang baik dengan negara luar
- Berani mengambil risiko

**Soalan 6:**

**6(a)**

- Kegiatan menternak binatang – lembu, kerbau, ayam
- Pemungutan hasil hutan – kayu gaharu, gading, damar
- Menanam jagung, pisang, keledak dan sayur-sayuran
- Menghasilkan pelbagai jenis rempah
- Mengambil sarang burung
- Menangkap ikan di sawah, paya dan sungai

**6(b)**

- Mempunyai tanah subur – tanah pamah yang sesuai untuk pertanian
- Musim kemarau – sekitar kawasan Tasik Tonle Sap menjadi subur kerana mendapan lumpur yang subur – sesuai tanaman padi
- Pembinaan sistem pengairan yang baik – bersumber dari Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap
- Raja Indravarman I dari kerajaan Angkor membina sistem pengairan dan baray – mengairi tanah seluas 12.5 juta ekar

**6(c)**

- Membekalkan hasil pertanian – tanaman padi sebagai tanaman utama – bekalan makanan – padi sawah, padi huma, jagung
- Membekalkan bahan mentah – hasil hutan dan hasil sungai – kayu, gajah dan ikan
- Membekalkan binatang kenderaan – gajah
- Membekalkan bahan kayu – tujuan membuat kapal
- Membekalkan tenaga mahir – tukang kayu, tukang batu

**6(d)**

**Wajar**

- Keperluan makanan dalam negara
- Tidak bergantung import makanan / Keperluan sendiri
- Menggalakkan pertanian moden
- Menggalakkan kemajuan bioteknologi
- Memberi peluang pekerjaan
- Menghidupkan kembali program bumi hijau
- Menambahkan pendapatan
- Menebus guna tanah terbiar
- Penerokaan teknologi moden
- Menggalakkan penyelidikan dalam bidang pertanian(R&D)
- Mengeksploitasi kesuburan tanah

- Gaya hidup sihat

#### **Tidak Wajar**

- Lebih bergantung kepada kegiatan perindustrian
- Teknologi pertanian Malaysia masih rendah
- Wawasan negara ke arah negara maju
- Negara perlu bergantung perindustrian berat
- Banyak pelabur asing mendirikan kilang
- Tenaga muda lebih berminat bidang perindustrian berbanding pertanian

#### **Soalan 7:**

##### **7(a)**

- Orang Islam ingin menziarahi Kota Makkah
- Kaabah sebagai pusat ibadat
- Kaabah adalah tempat turun wahyu pertama
- Nabi ingin mengerjakan umrah
- Kedatangan orang Islam disekat di Hudaibiyah
- Orang Arab Quraisy merasakan maruah mereka tercabar
- Mereka bimbang dengan kekuatan orang Islam
- Uthman bin Affan dihantar sebagai utusan pendamai
- Uthman disekat di Hudaibiyah
- Orang Islam mendapat khabar angin Uthman dibunuh
- Mereka bersumpah setia / "bai'ah Ridwan"
- Orang Quraisy merasa bimbang mereka diserang
- Menghantar Suhail bin Amru untuk berunding dengan Rasulullah
- Mereka menandatangani Perjanjian Hudaibiyah

##### **7(b)**

- Orang Islam berpeluang mengerjakan haji tahun berikutnya
- Orang Islam bebas memasuki Makkah
- Orang Islam bebas melakukan ibadat di Kaabah pada bila-bila masa
- Dakwah Islamiah dapat dirancang tanpa gangguan
- Islam dapat disebarkan ke seluruh Tanah Arab tanpa halangan
- Kebebasan beragama diamalkan seluruh Tanah Arab
- Membolehkan Islam berkembang luas
- Pengislaman tokoh-tokoh Arab - Khalid al-Walid, Amru al-As dan Uthman Talhah
- Ketokohan Nabi Muhammad s.a.w
- Pemimpin yang bijaksana / unggul
- Baginda tidak terburu-buru
- Orang Arab Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
- Merintis jalan kearah pembukaan semula Kota Makkah.

##### **7(c)**

#### **Kaabah terpelihara daripada unsur Jahiliah**

- Agama menyembah berhala dihapuskan
- Berhala dimusnahkan

#### **Kota Makkah menjadi kota suci umat Islam**

- Menjadi tumpuan umat Islam seluruh dunia
- Untuk beribadat

### **Kerajaan Islam Madinah semakin kukuh**

- Di bawah kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w
- Madinah menjadi pusat pentadbiran Islam
- Makkah menjadi sebuah wilayah Islam
- Wakil dilantik untuk menjalankan pemerintahan Islam

### **Penyebaran dakwah Islam**

- Secara aman
- Membuka jalan penyebaran Islam ke seluruh Arab
- Masyarakat memeluk Islam tanpa paksaan

### **7(d)**

- Nabi Muhammad s.a.w tidak memaksa orang Arab memeluk Islam
- Baginda menggunakan cara diplomasi
- Menunjukkan nilai-nilai yang baik
- Peperangan tidak dibenarkan kecuali untuk mempertahankan diri
- Islam mementingkan perdamaian
- Islam disebarikan secara toleransi
- Menyuruh memeluk Islam melalui warkah
- Mewujudkan persefahaman dengan wilayah tersebut
- Menentang kezaliman
- Menghantar perutusan

### **Soalan 8:**

#### **8(a)**

- Berlaku selepas kejatuhan Tamadun Rom
- Eropah mengalami kemerosotan atau zaman mundur
- Peringkat awal zaman pertengahan
- Mundur ilmu pengetahuan
- Mundur bidang perdagangan
- Kehidupan perbandaran
- Tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan

#### **8(b)**

- **Kelembapan perkembangan ilmu pengetahuan**
  - Mencedok ilmu daripada dunia Islam
- **Pusat pemerintahan yang lemah**
  - Keruntuhan kuasa yang mentadbir wilayah
  - Kemunculan golongan Baron / tuan tanah
  - Petani terpaksa mencari perlindungan daripada tuan tanah
  - Sebagai pertukaran perlindungan petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah
  - Terdapat petani yang tidak mampu membayar cukai
  - Terpaksa menyerahkan tanah kepada golongan tuan tanah
  - Mereka terpaksa menjadi hamba
  - Tuan tanah pula mendapat perlindungan daripada golongan raja
  - Sebagai tukaran tuan tanah dikehendaki memberikan khidmat atau membayar cukai kepada Raja
  - Jalinan ikatan antara rakyat dan tuan tanah dan seterusnya raja menjadi asas pembentukan sistem feodal di Eropah
- **Sifat gereja yang mengongkang**
  - Gereja Katolik merupakan institusi yang amat berkuasa

- Memiliki hartanah yang banyak
- Fokus kegiatan amalan agama
- Pembelajaran ilmu keakhiratan sahaja
- Mengongkong kehidupan masyarakat di Eropah
- **Kegiatan ekonomi yang terhad**
  - Kegiatan perdagangan tidak meluas
  - Perdagangan di pantai Utara dan Barat sering diganggu oleh serangan orang gasar seperti Viking dan Magyar.
  - Perdagangan Timur jauh tidak dapat dijalankan
  - Kawasan Mediterranean dikuasai oleh orang Islam
  - Tidak berupaya menyaingi penguasaan orang Islam
  - Terpaksa menumpukan kepada kegiatan sektor pertanian
  - Perniagaan pertanian secara tukar barang / barter
  - Penggunaan mata wang amat terhad

#### 8(c)

- Raja merupakan penaung utama pemerintahan
- Memiliki tanah secara mutlak
- Raja memiliki golongan pembesar
- Pembesar mendapat naungan daripada istana
- Memberi khidmat bakti kepada Raja
- Membayar ufti
- Rakyat berkhidmat pada pembesar
- Melaksanakan sistem Serah dan Sistem Kerah
- Menguasai 'Kawasan Pemakanan'
- Menjadi tentera apabila berperang
- Memiliki golongan hamba

#### 8(d)

- Menghormati Institusi raja berpelembagaan
- Menghormati pemimpin negara
- Berpegang teguh kepada prinsip demokrasi berparlimen
- Patuh kepada undang-undang
- Menanam sifat setia kepada pemimpin
- Agama tidak diselewengkan demi kepentingan tertentu
- Menguasai ilmu pengetahuan
- Bekerjasama dalam kalangan rakyat
- Terlibat aktif dalam kegiatan ekonomi
- Membuat hubungan diplomatik dengan negara luar

### **Soalan 9:**

#### **9(a)**

##### **Kesatuan Melayu Singapura**

- Dianggotai oleh mereka yang berpendidikan Inggeris
- Bertujuan menjaga kepentingan sosioekonomi orang Melayu Singapura
- Mendesak British memberi perhatian kepada kebajikan orang Melayu
- Berjaya memperoleh penempatan khas orang Melayu di Singapura
- Membuka cawangan di Melaka, Pulau Pinang dan negeri Melayu yang lain pada tahun 1930-an

##### **Persatuan Sahabat Pena Malaya**

- Menggalakkan ahli berkenal-kenalan dan bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa
- Menggalakkan perpaduan dalam kalangan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu
- Mempunyai perlembagaan sendiri dan organisasi yang kemas
- Mendapat sambutan hangat dan menjadi asas kepada kesedaran perpaduan Melayu

#### **9(b)**

- Kongres yang diadakan menggabungkan persatuan-persatuan Melayu yang menjadi kemuncak kesedaran politik orang-orang Melayu di peringkat kebangsaan
- Kongres Melayu yang pertama yang menggabungkan persatuan-persatuan Melayu telah diadakan pada Ogos 1939 di Kuala Lumpur
- Kongres Melayu yang kedua pula diadakan di Singapura pada Disember 1940
- Kongres Melayu yang pertama dan kedua memperlihatkan pengemblesan tenaga golongan intelektual dan wartawan Melayu
- Kedua-dua kongres tersebut telah membincangkan isu kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi dan pendidikan serta dasar pilih kasih British terhadap anak negeri
- Resolusi kongres menggambarkan perpaduan Melayu untuk mengatasi permasalahan sosioekonomi dan politik mereka yang lemah
- Kesedaran politik dan kesedaran orang Melayu terserlah dalam kedua-dua kongres ini sehingga berjaya meruntuhkan semangat kenegerian yang selama ini menebal
- Kongres ini menggalakkan kesedaran untuk bersatu membela kepentingan mereka dalam semua bidang
- Merupakan tanda kesepakatan orang Melayu di seluruh Semenanjung dalam satu gerakan nasionalisme

#### **9(c)**

- Mengisi masa lapang
- Menambahkan kenalan
- Menambahkan ilmu pengetahuan
- Memupuk semangat perpaduan
- Membentuk disiplin diri
- Melatih pelajar menjadi ketua atau pemimpin

#### **9(d)**

##### **Sebab-sebab**

- Pelajar hanya mementingkan kejayaan akademik
- Pelajar berpendapat kegiatan kokurikulum hanya membuang masa
- Pelajar tidak mendapat sokongan ibu bapa
- Pelajar tidak berminat bergaul dengan rakan lain



### **Cadangan mengatasi**

- Guru dan ibu bapa memberi sokongan
- Guru mewajibkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum
- Pelbagai aktiviti menarik diadakan dalam kegiatan kokurikulum
- Memberi anugerah dan pengiktirafan kepada pelajar yang aktif dalam Kokurikulum

### **Soalan 10:**

#### **10(a)**

- Bahasa pengantar di semua sekolah menggantikan bahasa Inggeris – mulai 1982
- Mula digunakan di mahkamah pada tahun 1990
- Menjadi bahasa perpaduan kaum di Malaysia
- Menjadi bahasa ilmu – banyak digunakan di institusi-institusi ilmu seluruh negara
- Menjadi bahasa kebangsaan – peruntukan Perkara 152 Perlembagaan PTM 1957

#### **10(b)**

##### **Penyalahgunaan Bahasa Melayu:**

- Penggunaan bahasa rojak dan bahasa singkatan
  - Kualiti, nilai dan ciri unggul bahasa Melayu akan merosot
  - Lama-kelamaan ciri bahasa Melayu akan pupus
  - Digantikan dengan ciri bahasa Inggeris
  - Bahasa rojak akan menjadi bahasa ibunda orang Melayu
  - Identiti dan kewibawaan bahasa Melayu akan terhapus
  - Papan iklan – salah eja, campuran bahasa Inggeris
  - Media masa - media cetak dan elektronik - iklan
  - Komunikasi – percakapan, SMS - menjadi kegilaan pelajar sekolah hari ini - menjejaskan keputusan peperiksaan jika diamalkan terus
  - Membiasakan diri dengan bahasa ringkas dalam penulisan

##### **Cadangan langkah:**

- Menanamkan kesedaran penggunaan bahasa Melayu dengan betul
- Contoh melalui teladan – pemimpin masyarakat dalam majlis rasmi – gunakan bahasa yang betul
- Perubahan sikap oleh pengguna bahasa Melayu itu sendiri – bahasa Melayu kolot dan kurang standard
- Peranan media massa dalam menggunakan bahasa Melayu yang betul

#### **10(c)**

##### **Tidak mengancam kedudukan bahasa Melayu:**

- Memartabatkan kedudukan bahasa Melayu – masih bahasa kebangsaan mengikut peruntukan perlembagaan
- Memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu
- Memenuhi tuntutan teknologi dunia yang banyak aplikasinya dalam bahasa Inggeris
- Tiada bukti menunjukkan dengan meninggalkan bahasa ibunda dan mengutamakan bahasa kedua menyebabkan sesuatu bangsa itu maju
  - Contoh – Jepun, China, Korea – tetap pertahankan bahasa ibunda tetapi dalam masa yang sama terbuka menguasai bahasa lain sebagai strategi untuk maju
  - Contoh – Filipina – menggunakan bahasa Inggeris tetapi tidak pula mencapai tahap negara maju
- Memberi keutamaan untuk memperkasa bahasa Inggeris dan bahasa lain adalah langkah strategik untuk terus maju

- Ilmuwan Islam tersohor yang mampu mencetus tamadun menguasai banyak bahasa
- Menguasai sesuatu bahasa adalah menguasai ilmu yang ada pada bangsa itu
- Dalam masa sama, sesuatu bahasa itu akan menjadi bahasa yang matang, bahasa ilmu sains dan teknologi apabila ia digunakan dalam penghasilan karya, kerja-kerja penyelidikan, pengajaran dan pelajaran
- Tidak timbul isu patriotik atau tidaknya dalam soal penggunaan bahasa Inggeris dan kurang patriotik apabila tidak menggunakan bahasa Melayu
- Jelas, penggunaan bahasa Inggeris tidak mampu menggugat kedudukan bahasa Melayu

**Ya, akan mengancam kedudukan bahasa Melayu:**

- Menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan utama menyebabkan jangka panjangnya meminggirkan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu
- Ia juga menyentuh tentang persoalan integriti kerana bahasa itu dikaitkan dengan jiwa sesuatu bangsa

**10(d)**

- Pelajar gagal menguasai ilmu tatabahasa bahasa Melayu dengan baik
- Bahasa lisan pelajar dipengaruhi oleh bahasa ibunda seperti bahasa Cina, Tamil, malah bahasa Thai - pelajar Melayu pula dipengaruhi oleh bahasa dialek
- Pelajar kurang pengetahuan tentang isi yang hendak disampaikan - kurang pembacaan bahan-bahan umum atau kurang pengetahuan am
- Pelajar kurang mahir dari aspek gaya penyampaian menyebabkan penyampaian isi tidak berkesan
- Pelajar kurang keyakinan diri dalam berkomunikasi
- Amalan berkomunikasi pelajar yang menggunakan bahasa rojak

**Soalan 11:**

**11(a)**

- Beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi
- Ditubuhkan tahun 1971 hasil idea Tunku Abdul Rahman
- Bermatlamat untuk mengeratkan hubungan sesama negara Islam
- Bersuara dalam satu nada bagi kepentingan umat Islam
- Mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam
- Memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari

**11(b)**

- Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung OIC pertama
- Menjadi perantara menyelesaikan peperangan Iran – Iraq
- Memberikan sokongan kepada rakyat Palestin dalam perjuangan mereka
- Menjadi tuan rumah Persidangan OIC
- Memberikan biasiswa kepada pelajar negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, UIAM
- Mengesyorkan penggunaan dinar emas dalam kalangan negara Islam

**11(c)**

- Mendapat kemudahan pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam
- Mendapat bantuan OIC menubuhkan UIAM
- Mendapat penghormatan negara anggota kerana serius memperjuangkan hak dan kebajikan negara Islam

- Mendapat kepercayaan OIC menjadi tuan rumah persidangan pada tahun 1974 dan 2003
- Malaysia menjadi tumpuan pelajar Islam sebagai hub pendidikan bertaraf dunia
- Kepimpinan Malaysia diiktiraf sebagai yang terbaik
- Malaysia menjadi negara Islam contoh

**11(d)**

- Negara-negara OIC perlu bersatu terlebih dahulu
- Kekayaan negara-negara Islam Arab sepatutnya mampu membantu rakyat Arab yang miskin
- Perlu berunding dengan negara-negara Barat secara bersatu
- Menghantar bantuan ketenteraan menjaga keselamatan negara yang perlukan bantuan
- Membantu rakyat Arab menyediakan makanan dan perubatan
- Membuktikan OIC sebagai sebuah pertubuhan yang kuat dan membantu negara-negara Islam lain
- Negara-negara Islam terutama negara-negara Arab yang kaya tidak perlu terlalu mementingkan diri dan bersikap sambil lewa membantu negara Islam lain

**CADANGAN JAWAPAN TAMAT**